

01

Aplikasi Recap dalam Pengajaran Kemahiran Interaksi Lisan

Hannah Nadhirah Lokman

hannah_nadhirah_lokman@moe.edu.sg

Norazian Mohamed Yahya


norazian_mohamed_yahya@moe.edu.sg

Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent

Abstrak

Kemahiran interaksi lisan merupakan salah satu kemahiran utama yang perlu dikuasai pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah. Berdasarkan pemerhatian dan tinjauan awal, pelajar menghadapi cabaran untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan mereka semasa berinteraksi dengan rakan dan khalayak. Pelajar juga mempunyai kesukaran untuk mengembangkan idea mereka kerana kekurangan latihan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan aplikasi *Recap* bagi membantu meningkatkan keyakinan dan kemahiran pelajar berinteraksi secara lisan dengan jelas dan sistematik. Aplikasi ini disokong dengan penggunaan strategi *PEEEL* agar pelajar mampu menjana dan menghuraikan isi secara berpandu. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Menengah 3. Berdasarkan dapatan kajian, aplikasi ini mampu membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran interaksi lisan. Pelajar juga didapati bermotivasi untuk memperbaiki prestasi secara sendiri.

Kata Kunci: kemahiran interaksi lisan, keyakinan diri, aplikasi *Recap*, sendiri, *PEEEL*




PENGENALAN

Kemahiran interaksi lisan merupakan salah satu daripada enam kemahiran asas yang perlu dikuasai pelajar di peringkat sekolah menengah. Kemahiran asas ini penting bagi mempersiapkan pelajar berkomunikasi antara satu sama lain dan menyediakan mereka untuk peperiksaan baik di peringkat sekolah mahupun nasional. Pelajar juga perlu diberikan ruang dan peluang untuk berlatih dan menggunakan kemahiran yang telah dipelajari baik di rumah ataupun di sekolah. Dengan latar belakang yang berbeza-beza, cabaran memperkasakan pelajar dengan kemahiran abad ke-21 ini menjadi semakin mencabar. Bagi menarik minat pelajar dalam meningkatkan usaha menguasai kemahiran ini, penggunaan ICT diperkenalkan untuk menjadikan pembelajaran lebih berstruktur di bilik darjah. Penggunaan ICT ini dapat membantu menyediakan ruang dan peluang untuk pelajar mempraktikkan kemahiran interaksi lisan yang dipelajari memandangkan masa yang diperuntukkan di dalam kurikulum yang terhad.

PERNYATAAN MASALAH

Profil pelajar yang lebih cenderung dan selesa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama menjadikan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar semakin berkurangan. Hal ini menjadi keprihatinan dalam kalangan guru-guru. Dengan penggunaan bahasa Melayu yang semakin berkurangan dalam kalangan pelajar, sudah pasti keadaan ini akan menjejaskan kelancaran pertuturan mereka semasa menggunakan bahasa Melayu. Perkara ini menjadi lebih rumit lagi jika penguasaan kosa kata pelajar amat terbatas.

Analisis kelakonan pelajar bagi komponen lisan dalam peperiksaan akhir tahun turut menjadi keprihatinan guru. Berdasarkan pemantauan yang dilakukan guru, pelajar yang menjadi subjek kajian didapati menghadapi masalah untuk mengembangkan isi bagi menjawab soalan perbualan berdasarkan video. Dalam komponen ini, pelajar masih belum mampu memberikan pendapat secara sendiri tentang isu yang terdapat di dalam klip video yang dimainkan. Berdasarkan pemantauan guru-guru yang bertugas sebagai pemeriksa peperiksaan, pelajar seringkali memberikan jawapan yang ringkas dan tidak mampu mengembangkan isi yang diujarkan dengan yakin dan sepenuhnya. Pelajar juga menghadapi masalah untuk mengenal pasti topik-topik video yang pelbagai disebabkan kurangnya pendedahan dan latihan.



Keprihatinan yang berbangkit ini membuat timbulnya keperluan untuk menyokong pembelajaran pelajar. Bagi tujuan ini, penggunaan bahan ICT yang melibatkan aplikasi *Recap* yang mempunyai kemudahan rakaman video dapat menyokong pembelajaran dan pemantauan kajian ini sekaligus dapat dijadikan ruang latihan untuk pelajar.

TUJUAN KAJIAN


Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. meningkatkan keupayaan pelajar untuk menjawab soalan lisan dengan jelas;
2. melatih pelajar untuk berfikir secara sistematik dalam penjanaaan idea; dan
3. menggunakan bahan ICT untuk mendapatkan maklum balas langsung daripada pelajar.

KAJIAN LEPAS

Menurut Zimmerman (2002), pembelajaran secara sendiri atau pengawalan diri dalam pembelajaran (self-regulation of learning), melibatkan lebih daripada pengetahuan tentang kemahiran. Ia melibatkan kesedaran dan usaha memotivasi diri untuk menggunakan pengetahuan tersebut dengan sewajarnya. Pelajar perlu menetapkan matlamat, memilih strategi untuk mencapai matlamat tersebut, memantau kemajuan, menyusun semula jika matlamat tidak dipenuhi, menggunakan masa dengan cekap, menilai sendiri kaedah yang dipilih dan menyesuaikan kaedah berdasarkan apa yang telah dipelajari ketika itu untuk kegunaan masa hadapan.

Dettori dan Persico (2011) dalam beberapa siri kajian yang dilakukan berpendapat bahawa persekitaran pembelajaran yang menggunakan ICT memberikan peluang untuk pelajar membina dan mengasah kemahiran mereka untuk mengawal diri dalam pembelajaran. Sebagai pendidik, kita sedar akan kekuatan refleksi pelajar. Peluang di mana pelajar dapat membuat refleksi terhadap pembelajaran mereka, menambah nilai dan menggalakkan pemahaman dan pemikiran yang kompleks. Menurut kukulska-hulme (2006), penggunaan teknologi telah menawarkan kepada penggunanya kaedah pengamatan bahasa tanpa batasan.



Penerapan bahan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran interaksi lisan perlu dilaksanakan kerana ia merupakan kemahiran yang penting untuk setiap pelajar kuasai lebih-lebih lagi pada zaman digital ini. Perkembangan teknologi yang pesat dan kemajuan dalam prasarana media digital yang sentiasa berubah-ubah, perubahan landskap kerjaya dalam era digital dan persaingan yang lebih besar di institusi pengajian dan tempat kerja menjadikan peningkatan dalam kemahiran interaksi lisan keperluan asas yang penting bagi pelajar.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk eksperimental yang menggunakan kaedah pemerhatian dan pemberian maklum balas. Ia juga menggunakan kaedah kuantitatif yang mana markah ujian lisan pelajar akan dianalisis dan dibandingkan untuk melihat sejauh mana berkesannya penggunaan aplikasi *Recap*. Kajian ini juga dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Peringkat pertama, pelaksanaan di bilik darjah pada waktu kurikulum. Kemudian, PdP dilaksanakan di luar waktu kurikulum di mana guru akan mendapatkan pelajar untuk menjawab soalan-soalan lisan sebagai latihan. Pada peringkat akhir, rakaman video yang telah dimuatnaikkan akan dinilai oleh rakan sebaya dengan menggunakan rubrik penilaian yang telah disediakan guru. Rubrik ini digunakan untuk memastikan bahawa setiap pelajar tahu akan apa yang diperlukan dan dititikberatkan dalam menilai kelakonan rakan mereka.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada gabungan pelajar-pelajar menengah 3 Ekspres dan Normal Akademik kohort 2017 yang mempunyai tahap kebolehan yang berbeza-beza. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat ialah 26 orang. Daripada sejumlah 26 orang pelajar, 4 orang pelajar merupakan pelajar bukan Melayu. Keputusan peperiksaan ujian lisan pelajar bagi tahun 2016 dan tahun 2017 juga telah digunakan di dalam analisis kajian ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah digunakan untuk menilai prestasi pelajar ialah aplikasi *Recap*; iaitu sebuah aplikasi rakaman video yang menyediakan ruangan




untuk pelajar berinteraksi dengan pelajar lain dan dengan guru secara digital. Keupayaan pelajar dinilai dari segi cara mereka mengupas dan mengembangkan isi bagi menjawab soalan lisan. Kekuatan aplikasi *Recap* ialah pelajar dapat merakamkan respons mereka berkali-kali sehingga mereka berpuas hati dengan rakaman video yang dihasilkan. Ini menggalakkan pelajar untuk menilai hasil kerja mereka sendiri sebelum dihantar untuk memastikan bahawa mereka telah memberikan hasil kerja yang terbaik pada akhirnya. Rakaman video yang dimuatnaikkan akan dinilai oleh rakan dan guru.

Bagi membantu pelajar dalam proses pembelajaran ini, guru menggunakan teknik PEEEL (Point - ayat nyata yang menjadi topik yang diketengahkan, Explain - penjelasan, Example - contohan, Elaborate - huraian dan Link - kaitan) sebagai panduan bagi pelajar melakarkan isi jawapan secara sistematik dan teratur. Maklum balas rakan sebaya juga dilaksanakan untuk memberikan peluang kepada pelajar menilai hasil kerja rakan mereka. Secara tidak langsung, aktiviti penilaian ini dapat dijadikan sebagai wahana maklum balas di samping melatih pelajar untuk mengenal pasti perkara penting yang diperlukan dalam proses berinteraksi secara lisan. Pemerhatian terhadap mimik muka dan gaya pelajar memberikan respons juga ditekankan dan dijadikan sebagai penanda tahap keyakinan pelajar.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan sepanjang Semester 2. Namun, kajian utama dilakukan dalam masa kurikulum yang melibatkan pelaksanaan selama tiga sesi; setiap sesi mengambil masa selama satu jam di mana pengajaran secara berstruktur dititikberatkan untuk mendedahkan pelajar kepada aplikasi *Recap*. Sesi awal ini penting untuk memberikan pelajar masa untuk menyesuaikan diri dan memanfaatkan kaedah ini secara berkesan. Analisis data kemudian dilakukan bagi melihat keberkesanan ICT ini dalam pengajaran kemahiran interaksi lisan.

Dengan menggunakan pedagogi *Gradual Release Of Responsibility (GRR)* yang dikemukakan oleh Pearson, P.D. Dan Gallagher, M. (1983), pengajaran kemahiran interaksi lisan ini dilaksanakan secara berperingkat. Pada peringkat pertama, pelajar menonton video seminit. Pelajar kemudian dikehendaki mengenal pasti tema video tersebut secara beramai-Ramai. Pada peringkat kedua, pelajar diberikan soalan lisan yang akan mereka jawab. Pelajar akan melaksanakan langkah ini secara berpasangan. Bagi menyokong pembelajaran pelajar, Teknik




PEEEL yang telah diperkenalkan kepada pelajar akan digunakan sebagai panduan untuk menjana dan mengembangkan satu isi jawapan berdasarkan video yang telah ditonton.

Pelajar kemudian akan menggunakan templat untuk membantu mereka menyusun idea yang telah dijana. Pada peringkat ketiga, pelajar merakamkan respons mereka ke dalam aplikasi recap secara individu. Pelajar boleh menggunakan isi jawapan yang telah dibincangkan bersama pasangan sebagai panduan. Namun, pelajar tidak dibenarkan untuk melihat atau membaca jawapan yang telah dibina secara langsung.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah kajian ini dijalankan, analisis keputusan telah dilakukan. Markah keputusan akhir tahun pelajar bagi tahun 2016 telah dibandingkan dengan keputusan akhir tahun 2017. Analisis ini melibatkan 26 orang pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 73.0% pelajar mendapati telah menunjukkan peningkatan markah yang positif. 12.0% daripada mereka tidak menampakkan perubahan markah, manakala 15.0% pula menunjukkan pencapaian yang negatif. Sila rujuk Rajah 1.

Rajah 1: Taburan Markah Pelajar bagi Komponen Lisan 2016 dan 2017




Secara umum, kelakonan pelajar menampakkan peningkatan yang positif. Namun, analisis secara individu menunjukkan 53% (10 orang pelajar) daripada 19 orang pelajar mencapai markah peningkatan 3-6 markah, manakala 47% hanya mencapai peningkatan markah 1-2 sahaja (sila rujuk Jadual 1).



Jadual 1: Taburan Markah Pelajar

Subjek Kajian	Markah Lisan 2016 (40 markah penuh)	Markah Lisan 2017 (40 markah penuh)	Peningkatan + positif -negatif
A	26	27	(+1)√
B	27	30	(+3)√
C	27	28	(+1)√
D	26	27	(+1)√
E	24	29	(+5)√
F	20	24	(+4)√
G	34	32	-2
H	24	27	(+3)√
I	26	24	-2
J	26	24	-2
K	21	20	-1
L	26	30	(+4)√
M	24	24	-
N	22	22	-
O	28	30	(+2)√
P	28	30	(+2)√
Q	28	31	(+3)√
R	26	32	(+6)√
S	25	27	(+2)√
T	24	30	(+6)√
U	26	28	(+2)√
V	24	29	(+5)√
W	24	28	(+4)√
X	12	14	(+2)√
Y	23	24	(+1)√
Z	24	24	-
Jumlah pelajar yang menunjukkan peningkatan dalam markah lisan:			19 / 26


Penggunaan maklum balas dalam kajian ini merupakan satu dapatan yang perlu dikongsi bersama. Dengan adanya maklum balas yang diberikan oleh rakan sebaya, pelajar tahu akan komponen yang perlu dipertingkatkan dalam memberikan



respons dan apakah yang perlu dilakukan selanjutnya. Ini juga merupakan satu motivasi untuk mereka, lebih-lebih lagi untuk pelajar yang kurang yakin dengan kebolehan mereka berinteraksi secara lisan dengan menggunakan bahasa Melayu yang baik. Ini dapat dilihat melalui Jadual 2 tentang jawapan pelajar serta maklum balas yang diberikan rakan sebaya. Apa yang menarik ialah rakan mereka mampu memberikan maklum balasa termasuk mimik muka dan kelemahan yang perlu dipertingkat. Perkara yang sama juga dapat dilihat melalui maklum balas rakan yang lain.

Jadual 2: Contoh Jawapan Pelajar dan Maklum Balas Rakan Sebaya

Soalan	Tindakan pemerintah untuk menggalakkan orang ramai bersikap prihatin semasa menaiki pengangkutan awam mencukupi. Bersetujukah kamu? Mengapa?
Jawapan	Saya setuju bahawa tindakan pemerintah untuk menggalakkan orang ramai bersikap prihatin semasa menaiki pengangkutan awam mencukupi. Ini kerana pemerintah telah membuat beberapa kempen. Satu kempen ialah sikap baik di pengangkutan awam. Kempen ini menunjukkan langkah-langkah yang orang ramai menasihati untuk mengikut. Watak-watak di poster-poster yang boleh dicari di stesen-stesen MRT atau bas ada sikap yang sama dengan sikap orang ramai. Tetapi mereka belajar dari kesalahan mereka, orang ramai berasa terpaksa untuk mengikut langkah-langkah yang watak membuat. Ini satu sebab kenapa saya setuju bahawa tindakan pemerintah untuk menggalakkan orang ramai bersikap prihatin semasa menaiki pengangkutan awam mencukupi
Maklum balas rakan sebaya	Perkara baik tentang rakaman awak adalah yang awak memandangi kamera dan tidak tersekat-sekat. Awak juga memberi contoh yang baik dan mengembangkannya dengan lancar. Perkara yang awak boleh memperbaiki adalah yang awak boleh bertutur dalam bahasa baku dan juga memberikan respons peribadi awak tentang soalan tersebut.



Para pelajar juga turut berkongsi maklum balas mereka mengenai penggunaan aplikasi Recap. Pada mulanya, pelajar ragu-ragu untuk menggunakan aplikasi Recap sebagai wadah untuk berlatih bagi komponen lisan. Setelah menggunakan aplikasi ini, mereka mula berasa selesa berlatih secara bersemuka dengan guru atau rakan-rakan sekelas. Sebelum ini, mereka kurang selesa untuk merakamkan diri sendiri. Mereka berasa malu apabila tahu bahawa rakan mereka boleh melihat kelakonan mereka dan akan memberikan maklum balas. Namun, setelah pengajaran ini dilakukan di dalam kelas, rasa tidak selesa dan ragu-ragu mereka berubah dan mereka menjadi lebih positif. Pelajar dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri sendiri dan juga mempelajari antara satu sama lain melalui rakaman video yang dimuatnaikkan ke dalam aplikasi tersebut.


KESIMPULAN

Kajian ini belum dapat menyimpulkan dengan pasti sama ada aplikasi Recap merupakan kaedah yang terbaik untuk meningkatkan kemahiran interaksi lisan pelajar dalam bahasa Melayu. Namun, apa yang ketara ialah ia berupaya menjadikan pelajar lebih berkeyakinan dalam menghujahkan pendapat mereka tentang isu-isu yang diketengahkan kerana mereka diberi lebih banyak peluang untuk berlatih. Bagi pelajar yang lebih bermotivasi, aplikasi ini juga memberi mereka ruang untuk memantau dan meningkatkan prestasi mereka.

Sudah tentu aplikasi ini mempunyai kelemahan. Walau bagaimanapun, aplikasi ini telah dinaik taraf dan mempunyai fungsi-fungsi terkini dan berguna. Oleh itu, penggunaan aplikasi Recap ini harus digunakan secara berterusan untuk guru dan pelajar meraih keberkesannya dengan sepenuhnya. Walaupun ruang lingkup kajian ini hanya berfokus pada pelajar Menengah 3, guru-guru boleh mengaplikasikan kaedah pengajaran yang sama untuk pelajar-pelajar tingkatan dan aliran yang lain.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

- 1.Zairina Mohamad Zen
- 2.Marini Hassan



RUJUKAN

Dettori, G & Persico, D. (2011). *Fostering self-regulated learning through ICT*. United States of America. IGI Global

Pearson, P. D. and M. C. Gallagher (1983). The Instruction of reading comprehension. *Contemporary Educational Psychology*, 8, pp. 317-344

Zimmerman, B.J. (2002). Becoming a self-regulated learner: An overview. *Theory Into Practice*, 41 (2), 64-70.

<http://www.straitstimes.com/singapore/english-most-common-home-language-in-singapore-bilingualism-also-up-government-survey>

